

20 JAN 2003

MALAYSIA-PAKEJ/I

M'SIA AKAN UMUM PAKEJ RANGSANGAN TAMBAHAN TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Malaysia akan mengumumkan pakej "rangsangan tambahan" apabila angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku akan datang diumumkan, kata Menteri Kewangan II Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis hari ini.

Meskipun amalan biasa ialah untuk menetapkan pendekatan apabila belanjawan tahunan dibentangkan, "perubahan yang terlalu cepat" yang berlaku sejak kebelakangan ini mengkehendaki semakan dibuat setiap suku tahunan bagi memperbaiki keseluruhan keberkesanan dasar dan strategi ekonomi, katanya.

"Kami akan pada setiap masa mengekalkan disiplin fiskal dan menangani belanjawan defisit, tetapi kami tidak terlalu terikut standard tertentu atau dengan pemikiran yang diformatkan dalam membuat keputusan," katanya semasa berucap pada majlis bertemu pengerak pasaran yang dianjurkan Ecmlibra Investment Bank dari Labuan di Putrajaya.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan akan mengumumkan strategi baru itu.

"Saya boleh katakan bahawa sekarang ini bahawa kami akan meninjau beberapa strategi baru bagi mengekalkan momentum pertumbuhan. Saya cenderung untuk menyatakan ini sebagai 'tambahan rangsangan'," katanya semasa menyampaikan mesej bahawa penggerak pasaran perlu "melupakan kebimbangan anda" setelah kerajaan tidak akan "melambakan wang secara tidak rasional".

Beliau berkata pendekatan baru kerajaan akan ditumpukan kepada aktiviti ekonomi domestik bagi menjana pertumbuhan yang lebih tinggi dan bidang pertumbuhan baru akan dikenal pasti.

Kerajaan kini menyemak peraturan dengan hasrat meningkatkan fleksibiliti, kata beliau.

Dr Jamaludin berkata kerajaan sedang memperbaiki pendekatan ke arah pelaburan langsung asing (FDI) dengan jangkaan berlaku peningkatan dalam FDI dan perubahan dari segi aliran FDI.

"Dua tahun dari sekarang, aliran FDI global dijangka mencecah AS\$10 trilion. China seperti penyedut raksasa bagi FDI," katanya.

Beliau berkata corak berkenaan telah dijangka oleh Malaysia memandangkan ia tahu mengenai pentingnya untuk menaikkan produk pembuatan dan perkhidmatan mewah untuk kekal kompetitif.

Katanya semasa aliran FDI ke Malaysia tahun lepas pada RM2.3 bilion untuk suku kedua dan RM3.5 bilion bagi suku ketiga, negara tidak akan mengalami masalah dengan penurunannya.

Dr Jamaludin berkata Malaysia memiliki beberapa syarikat dan pengurus bertaraf dunia di sini dan di luar negara.

"Seperti mana banyak pengurus bertaraf antarabangsa yang lain yang berada di merata dunia, mereka akhirnya akan pulang membawa bersama idea dan tenaga baru," katanya.

Globalisasi sebahagiannya mengenai mobiliti modal manusia, katanya.

Mengenai Valuecap Sdn Bhd, syarikat pengurusan aset yang ditubuhkan dengan dana RM10 bilion untuk melabur dalam ekuiti, Dr Jamaludin berkata ia adalah bagi memastikan pasaran mencerminkan nilai sebenar sebuah syarikat, penilaian yang lebih adil dalam aliran tunai, untung dan rugi sertaimbangan dagangan.

"Kita bersikap wajar, orang yang bercakap secara berterus terang, kita tidak akan mendapat sebarang kejayaan sehingga membolehkan BSKL (Bursa

Saham Kuala Lumpur) memperoleh dengan wang sedemikian," katanya sambil menjelaskan bahawa semasa ditutup pada Jumaat, permodalan pasaran bursa berkenaan ialah pada RM503 bilion.

"Valuecap mendapat publisiti yang banyak. Terdapat ketelusan. Kita tidak ketinggalan dalam persepsi pengurusan dan PR (hubungan awam), kita tidak mempunyai alasan untuk bersusah payah menakutkan pasaran. Kami mahu anda untuk menyukai kami, menganggap kami sebagai rakan kongsi jangka panjang dan memperoleh banyak wang," katanya.

Dr Jamaludin berkata pandangan pengerak pasaran akan diambil kira dalam keputusan kerajaan.

"Kita selalu menyesuaikan dengan hasrat pasaran. Semasa kemuncak krisis kewangan Asia, kita diberitahu yang kita kekurangan 'semangat reformis', yang di mana dirasakan ianya terlalu keras," katanya.

"Dalam sebarang kes, kami teruskan dan bertindak kepada desakan pasaran," katanya.

Dr Jamaludin berkata beliau bersetuju dengan perbincangan bersama dengan pengerak pasaran ekoran cadangan daripada pengerusi eksekutif Ecmlibra, Datuk Kalimullah Hassan.

"Apabila Kalimullah menyebut mengenai peluang untuk mengadakan perbincangan pintar dengan para pengerak pasaran dengan jumlah dana yang banyak, saya kata: Mari kita lakukan."

"Adalah satu yang menenangkan hati untuk mengetahui bahawa ada orang seperti Kalimullah sebagai orang yang menghubungkan kita," katanya sambil menyarankan supaya diadakan komunikasi yang lebih berkesan antara kerajaan dan pengerak pasaran dengan pertemuan biasa di Kuala Lumpur atau di mana-mana.

Dr Jamaludin juga mempelawa mereka untuk menghantar sebarang pertanyaan, cadangan, keraguan atau malah kekeliruan mereka melalui e-mel, dengan janji akan dijawab dengan segera.

"Kami percaya dalam mewujudkan hubungan. Kami merupakan orang yang mahu mengadakan rangkaian. Malah sebahagian daripada globalisasi didorong oleh perangkaan dan hubungan peribadi," katanya.

Beliau juga meminta pandangan daripada mereka yang hadir mengenai isu penting bekalan minyak dunia memandangkan situasi di Timur Tengah.

Meskipun menjadi pengeksport minyak, beliau berkata Malaysia tidak akan gembira dengan kenaikan harga minyak kerana sebarang tambahan kepada perolehan yang diraih akan diseimbangkan dengan gangguan perdagangan dan aliran modal.

Mengenai politik, Dr Jamaludin berkata kerajaan bersedia untuk menyesuaikan hasrat mereka yang di peringkat pertengahan yang semakin bertambah yang mahu suara mereka lebih didengari dalam bagaimana kerajaan ditadbirkan dan dalam membuat keputusan untuk negara.

"Kami telah memperkenalkan golongan muda dalam lapangan politik dan dunia korporat. Saya pasti anda telah membaca mengenai politik Malaysia, perubahan dalam barisan UMNO Kelantan minggu lepas menguatkan kemahuan untuk pembaharuan," katanya.

Beliau juga menyebut mengenai konglomerat seperti United Engineers Bhd dan Malaysian Resources Corporation Bhd yang kini diketuai kira-kira 30 eksekutif.

Dr Jamaludin yang amat percaya bahawa negara kini berada di landasan yang betul berkata kewujudan cakera satelit yang dapat dilihat dengan banyak kini melambangkan kemewahan.

Beliau berkata kadar penembusan selular merupakan antara yang tertinggi di rantau ini sehingga para penganalisis syarikat telekom bingung dengan fenomena berkenaan memandangkan penduduk Malaysia agak kecil.

Perbelanjaan pengguna menjadi satu daripada petunjuk utama penggunaan daripada jualan kereta penumpang hingga ke penggunaan kredit menunjukkan

aliran menaik, katanya. -- BERNAMA  
MSL KTC NHD